

Nenek gedik ketagih urutan pemuda

Tubuh sasa belai datin

Tukang urut lelaki boleh layan sampai ke ranjang

FOTO | Zulfadzli Zulkiffi

>>Oleh HADZLAN HASSAN dan NORIAH IDRIS

metahad@hmetro.com.my


KUALA LUMPUR: Pakej nenek gedik. Itulah tarakan terbaru beberapa spa yang beroperasi di sekitar Bukit Bintang, di sini, yang menawarkan pemuda tampan dan bertubuh sasa sebagai tukang urut.

Pelanggan sasaran mereka ialah wanita pertengahan umur, termasuk berstatus nenek dan ada yang bergelar Datin.

Pusat urut dan spa berlesen terbabit menggunakan khidmat 'ulat' yang berlegar di luar premis terbabit untuk menawarkan khidmat menjengkelkan itu kepada pelanggan sasaran, termasuk pelancong asing.

Jika sebelum ini tukang urut adalah pemuda Myanmar dan Vietnam, kini lelaki tempatan turut menawarkan khidmat itu, malah mereka lebih mendapat sambutan berbanding warga asing.

Aktiviti tidak bermoral itu terbongkar hasil penyamaran dan siasatan wartawan Metro Ahad selepas men-



"Boleh... kita ada macam-macam pakej... harga pun berbeza-beza. Akak nak servis yang macam mana?"

>Latiff (bukan nama sebenar)
Ulat pusat urut

Metro 18/11/12
Ms 8

W: Saya yang nak urut, lepas tu kawan saya. Banyaklah... datin pun nak urut juga, sebab tu saya datang dulu survey harga.

U: Nak servis yang macam mana agaknya?

W: Agak-agaknya boleh 'lebih-lebih' tak?

U: Boleh... kita ada macam-macam pakej... harga pun berbeza-beza. Akak nak servis yang macam mana?

W: Nak lelaki yang muda sikit... ermmm... boleh tak? Sebab kawan akak nak yang kakak saja.

U: Ada, ada! Memang yang selalu datang pun datin, nak yang tinggi dan baik punya pun ada kak, tapi harga lebih sikit la.

W: Berapa?

U: Itu boleh runding. Kalau akak nak malam ni juga, saya boleh bawa tukang urut hebat. Gerenti handsome (kakak). Badan macam atlet, tapi harga kena lebih sikit.

W: Lebihnya berapa?

U: Yalah... kalau sampai ke katil, bukan RM300 tapi lebih la...

W: Lebihnya berapa?

U: RM300 tu biasa punya... kalau servis (khidmat) sam-



TINA...
sebulan sekali akan berurut dengan lelaki muda kakak.

Tina terpikat lelaki macho

Pengakuan 1

KUALA LUMPUR: Sekurang-kurangnya sebulan sekali sejak hampir dua tahun lalu, Tina pasti berkunjung ke sebuah spa di Jalan Bukit Bintang, di sini, untuk berurut dengan lelaki muda yang kakak.

Biarpun perlu berbelanja sekurang-kurangnya RM250 bagi setiap sesi urutan yang mengambil masa sejam, gadis bujang berusia awal 40-an ini tidak pernah mengeluh kerana berpuas hati dengan khidmat diberikan.

"Sebenarnya, saya diperkenalkan kepada spa ini oleh rakan baik, Sally, 40-an, yang hampir setiap minggu ke sini untuk diurut lelaki muda.

"Dia yang juga isteri kedua seorang usahawan kerap ke spa ini untuk meng-

kan terpengaruh dengan gaya dan teknik urutan di gambarkan Sally, saya berbingang dengan perundingan untuk mencuba urutan itu.

"Selepas bersetuju dengan bayaran RM250 dan tidak termasuk tip, saya dibawa ke tingkat bawah spa itu dan ketika itu perunding menerangkan kepada saya: ruang bilik itu eksklusif dan dikhidmat hanya untuk golongan kenamaan.

"Dia kemudian memanggil tiga pemuda kakak dan meminta saya memilih seorang. Selepas membuat pilihan, saya dibawa masuk ke bilik itu dan melakukan urutan dalam keadaan separuh bogel," katanya.

Tina berkata, sepanjang melakukan urutan, seolah-olah tiada batasan menghalang antara lelaki dan perempuan. Walaupun lelaki berusia awal 20-an berpakaian kemas seolah-olah pakaian seragam

Anda selepas ini dapat aduan daripada pengunjung dan peniaga sekitar Bukit Bintang yang jelik dengan kegiatan berkenaan yang dikatakan semakin berleluasa.

Walaupun harga asal khidmat urut yang tertera pada kertas iklan di kaunter premis hanya RM50++, pelanggan wanita yang mahukan pakej luar biasa itu dikenakan caj antara RM300 hingga RM1,000 bergantung kepada tukang urut bersaiz L, XL atau XXL.

Pelanggan juga diberi pilihan sama ada mahu 'berurut' di premis berkenaan atau membawa pemuda terbabit ke bilik hotel atau kediaman sendiri.

Seorang 'ulat' pusat urut dikenali sebagai Latiff (bukan nama sebenar) yang menawarkan pakej itu memberitahu wartawan, kebanyakan tukang urut lelaki yang mereka miliki berwujud kakak dan boleh dibawa keluar.

SEDIA... katil untuk melayan wanita kesepian oleh tukang urut macho.

"Kami turut menyediakan khidmat urutan 'luar biasa' jika ada permintaan di kalangan pelanggan wanita.

"Selalunya, spa kami mengupah lelaki yang bukan sekadar pandai mengurut, tapi juga mesti ada 'rupa'. Badan sasa, bijak bercakap dan sanggup melayan kehendak pelanggan hingga ke ranjang antara kriteria diutamakan," katanya.

Latiff mendakwa, kebanyakan wanita pertengahan umur menggunakan khidmat mereka adalah golongan yang dahagakan belaian.

"Pelanggan kami termasuk isteri orang, ibu tunggal dan anak dara yang berumur. Walaupun banyak duit, mereka 'miskin' belaian lelaki.

"Oleh itu, sangat penting bagi kami menyediakan lelaki yang benar-benar mampu memenuhi cita rasa pe-

langgan," katanya.

Berikut adalah dialog antara wartawan kami dengan ulat (Latiff) di depan lif sebuah spa di Bukit Bintang.

ULAT (U): Hai...

WARTAWAN (W): Hai.

U: Nak ke mana?

W: Naik nak urut (di spa). Letih sikit, tapi nak survey (tinjau) dulu harga.

U: Nak urut pakej macam mana?

W: Ada pakej? Menarik ke?

U: Ada. You (kamu) nak yang macam mana?

W: Ada yang lebih-lebih tak, macam boleh booking atau bawa keluar?

U: Memang ada. Saya dulu tukang urut juga, tapi sekarang dah jadi orang tengah. Kalau nak saya pun boleh, saya boleh urut juga. You nak urut atau macam mana?

kau servis (khidmat) sampai bilik hotel kena agak-agak la kak... mungkin lebih!

W: Paling banyak berapa?

U: Boleh cecah nilai besar jugalah... sampai ribu-ribu atau lebih.

W: Okey la... you kasi nombor (telefon) nanti senang akak dan kawan nak call (hubung).

(Bertukar nombor telefon dan berlalu. Kira-kira 20 minit kemudian, lelaki berkenaan membuat panggilan).

U: Akak, ni kawan saya dah turun (datang)... book (tempah) jauh dari Melaka. Ukurannya @#%\$^&*&()*... boleh tak?

W: Okey, okey, tapi saya kena jumpa kawan dulu dan bincang. Nanti call kemudian.

Selang beberapa minit, lelaki berkenaan membuat panggilan lagi tetapi wartawan tidak menjawab kerana tidak mahu penyamaran terbongkar.

rap ke spa ini untuk menghilangkan kesunyian dan kebosanan kerana sering ditinggalkan suami yang lebih kerap berada di rumah isteri tua.

"Sejak mencuba urutan ditawarkan, saya menjadi ketagih dengan gaya urutan lelaki macho dan terus menjadi pelanggan tetap," katanya.

Tina mendakwa, pada mulanya dia menyangka spa itu seperti kebanyakan pusat kesihatan lain yang menyediakan kemudahan untuk rawatan kecantikan dan urutan biasa kepada wanita.

Namun, sebaik melihat pelbagai pakej menarik ditawarkan, antaranya urutan oleh lelaki muda, dia teringin mencuba.

"Sally cadangkan saya ambil pakej istimewa, iaitu tukang urutnya lelaki muda dan kakak kerana dia pernah mencubanya. Disebab-

berpakaian kemas seolah-olah pakaian seragam spa, segala-galanya berubah apabila urutan itu memerlukan dia melakukan adegan lebih hebat.

Katanya, biarpun permulaan urutan dia dibekalkan dengan tuala yang menutupi hingga ke paras dada, lelaki itu bebas melakukan urutan di seluruh badan dan sanggup meneruskan adegan lebih hebat jika pelanggan mahukannya.


"Sejak mendapatkan khidmat urutan itu, saya bagaikan ketagih sentuhan lelaki muda dan setiap bulan pasti berkunjung ke spa ini bersama rakan," katanya yang mendakwa kebanyakan wanita yang mendapatkan khidmat di spa itu adalah isteri kedua atau ketiga dan suri rumah kesepian.

> Lagi pengakuan di muka 10

Nenek gedik ketagih urutan pemuda

Layan lebih asal berbaloi

Metro 18/4/12
MS 10



JERRY...
simpan
rahsia
peribadi
pelanggan.

Pengakuan 2

KUALA LUMPUR: "Tak semua wanita yang berurut dengan saya bertujuan serong. Ada yang hanya mendapatkan khidmat biasa untuk mengatasi sakit atau lenguh badan.

"Bagaimanapun, ramai juga pelanggan wanita, terutama berusia lewat 30-an, 40-an dan 50-an, cuba menggoda ketika saya mengurut, termasuk meminta urutan 'geli-geli,'" kata Jerry, 21, yang mendakwa pakar pelbagai teknik urutan daripada refleksologi hingga kepada urutan seluruh badan.

Pemuda sasa berasal dari sebuah daerah pedalaman di Sabah ini mengakui, sepanjang kerjayanya sejak lima tahun lalu, dia menempuh pelbagai pengalaman bersama pelanggan wanita.

"Ada pelanggan yang layak dipanggil nenek dahagakan belaian anak muda seperti saya dan meminta layanan istimewa.

"Sebagai orang yang mencari pendapatan melalui kebolehan mengurut, saya akan memberi perkhidmatan berdasarkan kehendak pelanggan.

"Saya mengaku sedia beri apa juga khidmat terbaik jika permintaan pelanggan kena gayanya dan upahnya berbaloi. Sebenarnya, ada pelanggan berani mencuba pelbagai urutan apabila khidmat diberi memberangsangkan mereka.

"Sepanjang urutan berlangsung, kami berbual kosong hinggalah kepada perkara bersangkutan peribadi. Daripada situ saya mengetahui status mereka, sama ada bujang mahupun isteri orang.

"Jika ada pelanggan menghadapi masalah badan, misalnya banyak angin, saya turut nasihatkan mereka menjaga pe-

makanan dan sentiasa melakukan urutan sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

"Mungkin cara layanan dan perhatian ditunjukkan sepanjang urutan menyebabkan mereka terpicat dan tidak segan meminta urutan 'luar biasa,'" katanya.

Jerry berkata, sebagai orang bujang, dia tidak menafikan terpicat dengan pelanggan wanita yang memiliki tubuh menawan dan pandai berbicara, membuatkan mereka cepat mesra.

Bahkan, katanya, kalau mereka minta dilayan lebih, dia sanggup melakukan apa saja asalkan 'berbaloi'.

Menurutnya, bagi setiap perkhidmatan ditawarkan ada dua cara, iaitu sama ada berunding dengan pengurusan spa atau memaklumkan secara peribadi dengan tukang urut.

"Saya tak nafikan lebih menyenangkan golongan Datin, isteri orang atau wanita yang dahaga belaian lelaki muda kerana mereka bijak berkomunikasi dan tidak cerewet dengan harga pakej, selain sanggup menempah hotel mewah untuk mendapat layanan istimewa," katanya.

Mengenai harga pula, katanya, ia bergantung kepada pakej ditawarkan, sama ada urutan biasa atau pakej geli-geli hingga kepada urutan batin.

Malah, katanya, golongan itu tidak kedekut untuk memberi tip lumayan jika berpuas hati dengan khidmat urutannya.

"Terus-terang, wanita kesepian membuat tawaran tinggi dan ada yang sanggup menjadi peneman tidur.

"Sebagai balasan, saya menyimpan semua rahsia mereka serapi mungkin demi kebaikan bersama," katanya yang bercita-cita membuka spa atau pusat urutan di kampung halaman selepas berjaya mengumpul wang di ibu kota.